

# Mahathir minta kerjasama pelajar2

UM 22 SEP 1974

KUALA BUMPUR, Sabtu. — Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau sedang memerhatikan perkembangan lanjut demonstrasi mahasiswa Universiti Malaya.

Menteri Pelajaran itu bagaimanapun meminta pelajar-pelajar berkenaan memberikan kerjasama "agar masalah yang berbangkit dapat diselesaikan dengan licin dan teratur."

Naib Canselor Universiti Malaya pagi ini dikatakan telah menemui dan berbincang dengan Dr. Mahathir mengenai perkembangan demonstrasi mahasiswa-mahasiswa universiti tersebut.

Para pelajar itu telah mengambil alih Pentadbiran Universiti Malaya pagi ini dalam ketegangan demonstrasi mereka menuntut dibebaskan pemimpin-pemimpin pelajar yang ditangkap dalam krisis kawasan setinggian di Tasik Utara, Johor Baru.

Jurucakap pelajar-pelajar menyatakan mereka tidak akan menyerahkan semula kompleks Pentadbiran tersebut sehingga pemimpin-pemimpin pelajar itu dibebaskan tanpa syarat.

Pelajar-pelajar yang ditangkap itu telahpun dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan mengganggu ketenteraman awam dan cuba menghalang tugas-tugas politik.

## Mengugut

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, enggan mengulas tindakan pelajar-pelajar menawan Kompleks Pentadbiran universiti tersebut.

Menteri Undang-undang dan Feguam Negara, Tan Sri Kadir Yusof, bagaimanapun mensifatkan tindakan pelajar-pelajar universiti tersebut sebagai "mengugut Kerajaan."

Bellau menasihatkan para mahasiswa tersebut supaya bersabar dan menunggu keputusan mahkamah setelah pemimpin mereka tidak mengaku salah baru-baru ini.

Mereka akan dibicarakan Khamis ini.

Tan Sri Kadir mengingatkan para pelajar tersebut bahawa tidak ada siapa yang boleh menggangu perjalanan dan melepaskan diri dari undang-undang.

Perlembagaan telah menegaskan tidak ada orang yang melebihi undang-undang di negara ini.

Universiti juga tidak boleh lari dari undang-undang, tegasnya.